Universiti Teknologi Malaysia
81310 Johor Bahru
Johor, Malaysia
Tel: +607-533 3333

Ruj. Kami : UTM.J.08.01/10.12/21 Jld. 5 (15)
Tarikh : 9 Oktober 2026 / 27 Rabiulakhir 1448H

Semua Dekan Fakulti
Semua Pensyarah
Semua Pelajar
Universiti Teknologi Malaysia

YBrs. Prof./ Prof. Madya Dr./ Dr./ Tuan/ Puan/ Saudara/ Saudari,

PEMAKLUMAN PELAKSANAAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (P&P) SECARA DALAM TALIAN SUSULAN KEADAAN JEREBU

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Merujuk kepada Pekeliling Pentadbiran Bil. 54/2026 bertarikh 7 Oktober 2026 berkaitan Larangan Aktiviti Luar dan Langkah Perlindungan Semasa Jerebu di Universiti Teknologi Malaysia, pihak Universiti sentiasa mengambil perhatian serius terhadap tahap kualiti udara semasa yang boleh menjejaskan kesihatan, keselamatan dan kesejahteraan seluruh warga Universiti.

3. Sehubungan itu, sebagai langkah berjaga-jaga bagi meminimumkan pendedahan kepada keadaan jerebu serta mengurangkan pergerakan warga kampus, pihak Universiti telah menetapkan bahawa semua aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) secara bersemuka hendaklah dilaksanakan secara dalam talian mulai **12 Oktober 2026 sehingga 16 Oktober 2026**.

4. Pelaksanaan P&P secara dalam talian adalah tertakluk kepada ketetapan berikut:

i. Semua pensyarah hendaklah melaksanakan sesi kuliah dan aktiviti P&P secara dalam talian mengikut jadual waktu pengajaran yang telah ditetapkan melalui platform yang bersesuaian.

ii. Semua pelajar hendaklah mengikuti sesi P&P secara dalam talian mengikut jadual yang ditetapkan serta mematuhi arahan dan kaedah pembelajaran yang dimaklumkan oleh pensyarah kursus masing-masing.

iii. Bagi aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) yang melibatkan makmal, bengkel, studio atau komponen amali, termasuk ujian dan peperiksaan akhir yang memerlukan kehadiran fizikal, pelaksanaannya adalah dikekalkan seperti biasa. Walau bagaimanapun, semua aktiviti yang memerlukan kehadiran fizikal hendaklah dilaksanakan sepenuhnya di dalam bangunan atau ruang tertutup (indoor) sahaja bagi meminimumkan pendedahan kepada keadaan jerebu serta memastikan keselamatan dan kesejahteraan pelajar dan staf sentiasa terpelihara.

iv. Semua pensyarah hendaklah memastikan kesinambungan proses P&P, pencapaian hasil pembelajaran kursus serta pelaksanaan penilaian akademik tidak terjejas sepanjang tempoh ini.

v. Pihak fakulti dan sekolah hendaklah memastikan hebahan serta penyelarasan pelaksanaan P&P secara dalam talian dibuat dengan teratur kepada semua pensyarah dan pelajar yang terlibat.

5. Dalam masa yang sama, semua warga Universiti adalah diingatkan supaya sentiasa memantau bacaan Indeks Pencemar Udara (IPU) melalui portal rasmi Jabatan Alam Sekitar (JAS) di https://eqms.doe.gov.my/APIMS/main, meminimumkan aktiviti dan pergerakan di luar bangunan serta mengambil langkah perlindungan kesihatan yang sewajarnya. Selaras dengan Pekeliling Pentadbiran Bil. 54/2026, semua aktiviti luar hendaklah dihentikan apabila bacaan IPU di lokasi berkenaan melebihi 100.

6. Ketetapan pelaksanaan P&P secara dalam talian ini merupakan langkah sementara yang akan disemak dari semasa ke semasa berdasarkan perkembangan keadaan jerebu, bacaan IPU semasa serta nasihat pihak berkuasa berkaitan. Sebarang perubahan atau arahan lanjut berhubung pelaksanaan P&P secara bersemuka akan dimaklumkan melalui saluran komunikasi rasmi Universiti.

7. Kerjasama dan komitmen semua Dekan, pensyarah serta pelajar dalam memastikan kelancaran pelaksanaan P&P sepanjang tempoh ini amatlah dihargai. Kesihatan, keselamatan dan kesejahteraan seluruh warga Universiti hendaklah sentiasa diberikan keutamaan, tanpa menjejaskan kesinambungan dan kualiti penyampaian akademik.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"KERANA TUHAN UNTUK MANUSIA"

Yang menjalankan amanah,



(PROF. TS. DR. INTAN ZAURAH BIINTI MAT DARUS)
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Universiti Teknologi Malaysia

s.k.
- Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
- Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
- Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
- Pendaftar UTM
- Ketua Kampus UTM Cawangan Kuala Lumpur
- Ketua Kampus UTM Cawangan Pagoh
- Pegawai-pegawai Kanan/ Dekan/ Pengarah - Naib Canselor
- Semua Dekan Fakulti
- Pengarah-Pengarah Berkaitan

Universiti Teknologi Malaysia
81310 Johor Bahru
Johor, Malaysia
Tel: +607-533 3333

Our Ref.: UTM.J.08.01/10.12/21 Jld. 5 (15)
Date: 9th October 2026 / 27 Rabiulakhir 1448H

All Faculty Deans
All Academic Staff
All Students
Universiti Teknologi Malaysia

Dear Prof./ Assoc. Prof./ Dr./ Sir/ Madam/ Students,

NOTIFICATION ON THE IMPLEMENTATION OF ONLINE TEACHING AND LEARNING (T&L) ACTIVITIES DUE TO HAZE CONDITIONS

With reference to the above matter.

2. Further to Administrative Circular No. 54/2026 dated 7 October 2026, concerning the Prohibition of Outdoor Activities and Protective Measures During Haze Conditions at Universiti Teknologi Malaysia, the University remains highly concerned about the current air quality conditions, which may affect the health, safety and well-being of the entire University community.

3. In this regard, as a precautionary measure to minimise exposure to haze and reduce movement within the campus, the University has decided that all face-to-face Teaching and Learning (T&L) activities shall be conducted online from **12 October 2026 until 16 October 2026.**

4. The implementation of online T&L activities shall be subject to the following arrangements:

i. All lecturers shall conduct their lectures and T&L activities online according to the established teaching timetable, using appropriate platforms.

ii. All students are required to attend online T&L sessions according to their scheduled timetable and comply with the instructions and learning arrangements communicated by their respective course lecturers.

iii. Teaching and Learning (T&L) activities involving laboratories, workshops, studios or practical components, including tests and final examinations that require physical attendance, shall continue as scheduled. However, all activities requiring physical attendance must be conducted strictly indoors, within enclosed buildings or facilities, to minimise exposure to haze conditions and ensure the safety and well-being of students and staff.

iv. All lecturers shall ensure that the continuity of T&L activities, the achievement of course learning outcomes and the implementation of academic assessments are not adversely affected during this period.

v. Faculties and schools shall ensure that the implementation of online T&L activities is properly coordinated and communicated to all lecturers and students concerned.

5. At the same time, all members of the University community are reminded to regularly monitor the Air Pollutant Index (API) through the official portal of the Department of Environment (DOE) at https://eqms.doe.gov.my/APIMS/main, minimise outdoor activities and movement, and take appropriate health precautions. In accordance with Administrative Circular No. 54/2026, all outdoor activities must be suspended when the API reading at the respective location exceeds 100.

6. The implementation of online T&L activities is a temporary measure and will be reviewed periodically based on developments in haze conditions, current API readings and advice from the relevant authorities. Any changes or further instructions regarding the resumption of face-to-face T&L activities will be communicated through the University's official communication channels.

7. The cooperation and commitment of all Faculty Deans, lecturers and students in ensuring the smooth implementation of T&L activities during this period are greatly appreciated. The health, safety and well-being of the entire University community shall remain a priority while ensuring the continuity and quality of academic delivery.

Thank you.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"KERANA TUHAN UNTUK MANUSIA"

I, who upho[illegible] trust,



(PROF. TS. DR. INTAN ZAURAH BINTI MAT DARUS)
Deputy Vice-Chancellor (Academic and International)
Universiti Teknologi Malaysia

c.c.
- Vice-Chancellor
- Deputy Vice-Chancellor (Research and Innovation)
- Deputy Vice-Chancellor (Student Affairs and Alumni)
- Deputy Vice-Chancellor (Development)
- Registrar, UTM
- Campus Director, UTM Kuala Lumpur
- Campus Director, UTM Pagoh
- Senior Officers/Deans/Directors – Office of the Vice-Chancellor
- All Faculty Deans
- Relevant Directors